



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD
(Company No. 902884V)

PELAWAAN TUNJUK MINAT (KONTRAKTOR BUMIPUTERA G5 DAN G6)

"ASSOCIATED WORKS FOR THE CONSTRUCTION AND COMPLETION OF UNDERGROUND WORKS, CIVIL & INFRASTRUCTURE WORKS FOR PROJECT MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KLANG: JAJARAN SUNGAI BULOH – SERDANG - PUTRAJAYA (SSP)"

PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 2: SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA (SSP) adalah sejajar dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) "Urban Rail Development Plan (URDP)" iaitu Pelan Utama Pengangkutan Awam Lembah Klang yang menghubungkan koridor utara dan selatan dengan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur melalui rangkaian rel yang sedia ada. Laluan SSP akan berfungsi sebagai sistem tulang belakang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di sepanjang lebuh raya atau jalan-jalan ke arah koridor selatan di Lembah Klang. Ia akan menyediakan kemudahan yang baik kepada penumpang, terutamanya bagi kawasan tempat kerja, komersil, kediaman, pusat pendidikan dan rekreasi. Laluan SSP akan melalui koridor yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan memberi tumpuan kepada kawasan persekitaran sedia ada yang kurang atau tidak mempunyai liputan perkhidmatan pengangkutan awam yang telah dikenal pasti dalam SPAD URDP. Ia akan menyediakan dan meningkatkan perhubungan awam untuk keperluan masa hadapan dan pusat-pusat pertumbuhan disepanjang koridor melalui rel, perkhidmatan bas dan pengendali dengan berintegrasi untuk mewujudkan rangkaian masa hadapan termasuk LRT Laluan Sri Petaling, KL MONORAIL, Laluan MRT SBK, KTM Komuter, Bas Pengantara dan lain-lain.

MRT Corp. mengalu-alukan **Pelawaan Tunjuk Minat** daripada **kontraktor bumiputera CIDB Gred G5 dan G6** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)** untuk mengambil bahagian dalam kerja-kerja tertentu untuk Projek SSP.

Kontraktor yang ingin mengemukakan **Pelawaan Tunjuk Minat** ini boleh berbuat demikian dengan mengisi Borang Pendaftaran yang boleh dimuat turun di laman sesawang MRT Corp., www.mymrt.com.my. Borang Pendaftaran yang telah lengkap hendaklah dihantar bersama-sama dokumen yang diperlukan. Dokumen yang dihantar akan diteliti dan dinilai berdasarkan isi kandungan, kelengkapan serta kualiti dokumen. **Hanya pemohon yang disenarai pendek akan dihubungi.**

SYARAT-SYARAT PELAWAAN TUNJUK MINAT	DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN
<p>1. Kontraktor CIDB Gred G5 & G6 yang Berdaftar di Semenanjung Malaysia dan masih Sahlaku Dengan :</p> <p>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)</p> <ul style="list-style-type: none"> ➢ Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) Gred G5 & G6 ➢ Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) <p>Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)</p> <ul style="list-style-type: none"> ➢ Sijil Taraf Bumiputera (STB) <p>2. Kontraktor hendaklah bergiat aktif dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas, dengan sekurang-kurangnya mempunyai dua (2) projek yang sama dengan skop kerja yang dipilih dan telah disiapkan dalam tempoh masa tersebut.</p> <p>3. Tidak disenaraihitamkan oleh mana-mana pihak berkuasa/agensi.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Salinan yang disahkan Perakuan Pendaftaran Syarikat; 2. Salinan yang disahkan Borang 24, Borang 44, Borang 49, Borang 9, Memorandum & Articles of Association (M&A); 3. Salinan yang disahkan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja kerajaan (SPKK) dari CIDB; 4. Salinan yang disahkan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari BPKU; 5. Salinan yang disahkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dan Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia (jika berkaitan); 6. Senarai Projek yang disiapkan dalam tempoh lima (5) tahun lepas termasuk surat setuju terima/anugerah/perlantikan/inden, surat lanjutan masa dan surat penyiapan kerja daripada Agensi/Jabatan/Pemilik; 7. Senarai Projek semasa termasuk surat setuju terima/anugerah/perlantikan/inden dan status prestasi daripada Agensi/Jabatan/pemilik; 8. Carta organisasi Syarikat berserta resume dan kualifikasi/sijil Pemilik, Pengarah, Pekerja Pengurusan, Professional, Teknikal dan Pegawai Kewangan; 9. Salinan yang Disahkan Penyata caruman KWSP terkini dalam tempoh enam (6) bulan lepas; 10. Bukti Pemilikan Pejabat samaada Milikan/Sewa/Sewa Ruang Pejabat; 11. Enam (6) Bulan Penyata Bank Terkini (Akaun Semasa/Simpanan yang disahkan oleh Bank); 12. Surat dari Bank mengenai overdraft, fasiliti pinjaman dan kemudahan kredit; 13. Laporan Kewangan Tahunan tiga (3) tahun terkini; 14. Bukti Pemilikan Loji dan Jentera; dan 15. Pengiktirafan/Anugerah Daripada Agensi Kerajaan.

Nota :

- a) Kontraktor bumiputera akan mendapat kontrak secara langsung dibawah 'Works Package Contractor' sebagai sub-kontraktor domestik;
- b) Kontraktor bumiputera hendaklah mematuhi semua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia;
- c) Kontraktor bumiputera adalah diingatkan bahawa Salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah TIDAK akan diterima selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj.(44)d/m JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005]. Semua surat pengesahan asal haruslah disahkan oleh **[Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A]**.

Tarikh tutup **Pelawaan Tunjuk Minat** ini adalah sebelum **5.00 petang** pada **hari Khamis, 22 Oktober 2015** di:

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd
Jabatan Perhubungan Hal Ehwal Bumiputera
5th Floor Menara I&P 1,
No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara 50490 Kuala Lumpur

Sebarang pertanyaan berhubung dengan notis ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar ke alamat diatas atau emel bumiunit@mymrt.com.my

Panggilan **Pelawaan Tunjuk Minat** ini adalah jemputan untuk saringan sahaja, dan penyerahan **Pelawaan Tunjuk Minat** oleh mana-mana pihak tidak akan menimbulkan apa-apa proses atau obligasi kontrak yang lain, tersurat mahupun tersirat. MRT Corp. tidak mempunyai kewajipan untuk menerima apa-apa **Pelawaan Tunjuk Minat**. Semua pihak dimaklumkan bahawa penyerahan **Pelawaan Tunjuk Minat** ini tidak menjamin bahawa mereka akan dijemput untuk tender dan tiada sebab-sebab yang akan diberi bagi penolakan mana-mana penyerahan **Pelawaan Tunjuk Minat** ini. MRT Corp. tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan dan / atau kerugian yang dialami di dalam **Pelawaan Tunjuk Minat** ini.